

TRANSISI KONTRA HEGEMONI DALAM BUDAYA POLITIK MELAYU DI MALAYSIA

*(THE TRANSITION TOWARDS COUNTER-HEGEMONY IN MALAYSIAN POLITICAL
CULTURE)*

Noor Sulastry Yurni Ahmad
sulastryyurni@um.edu.my

Nor Azila Mohd Azidin
arezila@gmail.com

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Abstrak

Malaysia telah melalui proses perkembangan politik yang pelbagai sehingga wujudnya orientasi berasaskan etnisiti serta dominasi oleh parti pemerintah untuk suatu tempoh yang lama menerusi hegemoni politik secara total. Kehegemonian ini menjadi lebih ketara apabila institusi masyarakat sivil seolah-olah merestui serta bertindak submisif terhadap kelas pemerintah, malahan bentuk pemerintahan secara menegak “atas ke bawah” ini dianggap lazim serta dipatuhi secara sukarela. Namun begitu, senario sosiopolitik kini dilihat telah keluar daripada kepompong praktis politik lama kepada bentuk dan amalan yang lebih terbuka serta kurang dominan. Senario ini sekali gus mendorong kepada kontra hegemoni, iaitu amalan yang ternyata berbeza dengan praktis sedia ada. Oleh itu, penulisan makalah ini akan mengupas persoalan fundamental berhubung perkembangan ini yang dilihat sebagai satu bentuk kontradiksi antara praktis keterbukaan politik masa kini dengan unsur politik lama yang bersifat kawal dan dominan.

Kata kunci: Hegemoni, counter-hegemony, budaya politik

Abstract

Malaysia (formerly known as Malaya) has undergone various political developments resulting in some ethnic polarization and hegemony of the ruling political parties. This has also resulted in civil society having a submissive attitude towards the ruling

class. In fact, the “top down” form of governing is considered normal and is widely accepted. However, it can be observed that the sociopolitical scenario is such that old political practices are slowly being abandoned in favour of more open ones. Such a scenario leads towards counter-hegemony. Therefore, this article will deal with the fundamental questions concerning this transition, in which current, more open political practices are pitted against the traditional ones which are more about control and domination.

Keywords: Hegemony, counter-hegemony, political culture, Malay politics

PENDAHULUAN

Bentuk dan amalan budaya politik di sesebuah negara sering kali mengalami perubahan serta perkembangan baharu kesan daripada evolusi yang berlaku di negara tersebut. Komposisi ini sekali gus menjelaskan bahawa corak serta praktis budaya politik bukanlah sesuatu yang bersifat statik tetapi bertindak balas terhadap idea baharu sama ada dijana daripada dalam sistem itu sendiri mahupun diterima daripada anasir luar. Budaya politik mengikut Pye & Verba (1965:7) dibentuk berdasarkan sikap, kepercayaan, emosi dan nilai sesebuah masyarakat. Elemen budaya politik, seperti yang dicadangkan oleh Pye & Verba dilihat bergantung pada faktor peribadi seseorang individu. Kesemua elemen yang membentuk budaya politik bagi sesebuah negara adalah sangat penting untuk menentukan taraf penilaian terhadap tindakan politik termasuklah sikap yang ditonjolkan oleh setiap individu serta nilai utama yang digunakan dalam tindakan politik yang diambil. Oleh itu, kestabilan sesebuah sistem politik bergantung pada sikap baharu yang ditonjolkan atau ketidakupayaan yang dipamerkan secara relatif menerusi proses asimilasi sikap baharu ke dalam struktur nilai sedia ada.

Walau bagaimanapun, dalam konteks yang lebih kontemporari, Kavanagh (1987:3) telah membuka ruang yang lebih luas berhubung dengan tafsiran budaya politik. Beliau mentakrifkannya sebagai orientasi dan sikap politik yang dipengaruhi oleh tindakan politik ditentukan berdasarkan beberapa elemen utama, seperti tradisi, peristiwa sejarah, motif, norma, perasaan dan simbol. Budaya politik dengan itu dapat dikelaskan berdasarkan orientasi rakyat terhadap objek politik secara menyeluruh (Kavanagh, 1987:4). Sungguhpun begitu, budaya politik akan menjadi satu subjek yang sempit dan terbatas seandainya rakyat bertindak pasif dan hanya menurut kehendak sistem politik atau menganggap diri mereka tidak meninggalkan impak positif walaupun pada asasnya mereka dipengaruhi oleh sistem tersebut.

Sementara itu, perubahan yang berlaku dalam landskap politik Malaysia sering mengalami proses evolusi dan anjakan baharu sejajar dengan perkembangan

semasa. Senario ini dilihat berdasarkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang pernah melalui pelbagai fasa dan era, bermula dari zaman Kerajaan Melayu Melaka, pendudukan kolonial, kebangkitan semangat nasionalisme serta tuntutan kemerdekaan sehinggalah kepada evolusi ketara untuk menstrukturkan semula masyarakat serta usaha memulihkan komposisi ekonomi penduduk tempatan. Meskipun melalui pelbagai era, bentuk dan amalan budaya politik yang dipraktikkan masih mengekalkan ciri dominan politik lama yang sudah sebatik dalam masyarakat Melayu. Umpamanya, ketaatan serta kesetiaan tidak berbelah bahagi golongan rakyat terhadap pemimpin utama, kedaulatan kelas pemerintah, sikap serta corak pemerintahan yang bersifat sehalu, kawal (*control*) dan sangat dominan.

Namun begitu, perubahan fasa pemerintahan turut menyumbang kepada konstruksi sosial masyarakat khususnya dalam corak dan amalan budaya politik Melayu. Situasi ini bukan sahaja menjadikan Malaysia berkembang maju dengan pelbagai pencapaian, pembangunan dan modenisasi, namun dilihat masih mengekalkan nilai sejarah yang tersendiri. Menerusi transformasi dalam corak kepimpinan politik, dasar keterbukaan yang ditonjolkan bagi meneruskan agenda pembangunan negara bukan sahaja memberikan impak terhadap struktur sosiopolitik negara, malahan aspek ekonomi, sosial dan epistemologi masyarakat Malaysia. Ternyata, proses perubahan dan perkembangan norma baharu tidak pernah terhenti, malahan berupaya dikonstruksikan dalam aspek, amalan dan bentuk budaya politik kini. Oleh itu, penghasilan makalah ini akan cuba menelusuri perubahan yang berlaku dengan analisis secara kontekstual terhadap perkembangan sosiopolitik semasa menerusi kontradiksi yang wujud antara trend politik lama serta praktis politik baharu dan kontemporari.

TRANSISI HEGEMONI KEPADA KONTRA HEGEMONI DALAM PRAKTIS BUDAYA POLITIK MELAYU: SATU ANALISIS KONSEPTUAL

Kajian tentang budaya politik sememangnya sering diberikan perhatian memandangkan bidang ini tidak bersifat statik, bahkan mengalami evolusi dan transformasi seiring dengan perubahan semasa. Perubahan yang berlaku bukan hanya melibatkan perspektif politik dan ekonomi sahaja, namun bentuk sosiobudaya masyarakat juga turut mengalami perubahan. Berpandukan perubahan yang berlaku dalam era dan situasi yang berbeza, bentuk dan amalan yang mendasari penyertaan politik serta mobiliti masyarakat dianggap penting dalam menentukan corak budaya politik yang diamalkan.

Pye & Verba (1965:7) telah mentakrifkan budaya politik dibentuk berdasarkan sikap, kepercayaan, emosi dan nilai sesebuah masyarakat. Kedua-dua sarjana ini mendapati bahawa faktor peribadi seseorang individu turut menyumbang kepada

pembentukan budaya politik dalam sesuatu struktur sosial masyarakat sivil. Kesemua elemen yang membentuk budaya politik bagi sesebuah negara adalah sangat penting untuk menentukan taraf penilaian terhadap tindakan politik termasuklah nilai utama yang digunakan dalam tindakan politik yang diambil. Begitupun, rangkaian sikap, kepercayaan, emosi dan nilai ini dipercayai berupaya mempengaruhi perilaku, pendekatan dan orientasi masyarakat terhadap sistem politik dalam sesebuah negara (Almond & Powell, 1966: 50). Perkara ini sekali gus menjelaskan bahawa budaya politik dianggap sebagai penjelasan ringkas bagi menentukan persekitaran emosi dan sikap khususnya apabila sesebuah sistem politik itu beroperasi.

Almond & Verba (1965) dalam *The Civic Culture* telah membahagikan bentuk budaya politik kepada tiga kategori yang berbeza, iaitu *parochial* atau sempit, *subject* atau tertakluk dan *participant* atau penyertaan. Almond dan Verba (1965:16-17) mencirikan budaya politik *parochial* sebagai tiada perbezaan yang nyata berkaitan dengan peranan politik secara spesifik dan juga jangkaan berhubung dengan pelakunya. Budaya politik *subject* pula merupakan satu keadaan apabila wujudnya perbezaan berhubung dengan institusi politik yang mentadbir negara dan peranan politik itu sendiri dalam lapangan politik tetapi menjurus kepada perhubungan sesebuah masyarakat yang begitu pasif (Almond dan Verba, 1965:17). Ciri kedua ini menjelaskan bagaimana penyertaan rakyat dalam lapangan politik bukanlah sesuatu yang formal tetapi lebih kepada tradisi yang menempatkan mereka secara tidak langsung dalam sistem politik tersebut, seperti yang wujud dalam masyarakat feudal suatu ketika dahulu. Berbeza dengan budaya politik sempit (*parochial*) dan subjek (*subject*), budaya politik penyertaan (*participant*) dilihat lebih seimbang kerana rakyat turut menempatkan diri dalam hierarki pemerintahan atau institusi politik yang dibentuk sama ada secara langsung atau tidak (Almond dan Verba, 1965: 18). Kesedaran politik yang semakin dititikberatkan oleh anggota masyarakat akhirnya mewujudkan satu keseimbangan apabila pandangan khusus masyarakat dan aktiviti politik berjalan penuh interaktif dan seiring. Keadaan ini mewujudkan satu bentuk demokrasi dalam sesebuah sistem politik. Merujuk teori yang diketengahkan oleh Almond & Verba, ciri budaya politik subjek dan penyertaan begitu sinonim dengan konteks sosiopolitik Malaysia. Hal ini disebabkan oleh sikap masyarakat tempatan yang masih menghormati dan patuh kepada golongan pemimpin (ciri budaya subjek) serta amalan demokrasi yang mewarnai sistem politik Malaysia dengan membenarkan kebebasan bersuara setiap individu (ciri budaya penyertaan). Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu mobiliti massa seolah-olah terbatas dengan peruntukan undang-undang yang dikenakan oleh kelas pemerintah.

Begitupun, penilaian terhadap situasi sosiopolitik Malaysia turut memperlihatkan bagaimana dominasi atau penguasaan Barisan Nasional (BN) dalam wacana politik negara telah mewujudkan satu budaya politik yang dikenali sebagai hegemoni.

Konsep hegemoni seperti yang dirintis oleh Gramsci (1891-1937) sudah berakar umbi sejak tahun 1920-an dan 1930-an hasil daripada konteks yang berbeza pada zaman moden terutamanya di negara Eropah dan Amerika Utara. Gramsci menjelaskan bahawa hegemoni merupakan konsep terulung (*par excellence*) yang digambarkan sebagai keseimbangan antara kepimpinan atau arahan yang berasaskan keizinan dan dominasi serta kekuasaan kumpulan atau kelas sosial berasaskan kekerasan atau paksaan. Seperti yang ditakrifkan oleh Gramsci tentang hegemoni:

“... subordinated groups accept the ideas values and leadership of the dominant group not because they are ideologically indoctrinated, but because they have reason of their own

(Gramsci, 1975:166).”

Takrifan ini menjelaskan bahawa nilai kepimpinan golongan borjuis (kumpulan yang berkuasa untuk memerintah) memperoleh keakuran dan kesetiaan daripada golongan proletar (kumpulan yang diperintah) berdasarkan kepentingan tertentu. Sebagai contoh, hak asasi, faktor ekonomi ataupun alam persekitaran yang dilihat sebagai faktor yang digunakan oleh golongan yang memerintah untuk menarik perhatian golongan yang diperintah. Begitupun, Gramsci telah melihat kekuasaan borjuis berdasarkan dominasi ekonomi, keintelektualan serta kepimpinan moral. Menurut beliau, golongan yang diperintah secara sukarela malah akur untuk dipimpin oleh kumpulan yang lebih dominan, namun, keakuran ini bukanlah semata-mata melihat pada aspek fizikal sahaja tetapi mempunyai sebab untuk dipimpin kumpulan tertentu.

Sementara itu, Gramsci turut menitikberatkan tentang masyarakat yang memahami sepenuhnya tentang matlamat dan keizinan yang diperoleh daripada golongan proletar (turut dikenali sebagai golongan subordinat). Kedua-dua elemen ini diperoleh melalui pelaksanaan dasar yang dibentuk dan diperkenalkan oleh golongan borjuis. Pendekatan yang digunakan adalah berbeza dengan mereka yang hanya mementingkan ahlinya dan memberikan penekanan terhadap ahlinya untuk mematuhi arahan daripada ahli perdana, utama atau primer. Oleh itu, Gramsci menyimpulkan bahawa terbentuk hubungan secara menegak atas ke bawah dalam struktur sosial antara kelas pemerintah dan golongan yang diperintah. Lazimnya, ahli biasa harus memberikan sokongan dan taat setia kepada ahli yang utama terutama mereka yang memegang jawatan pada peringkat yang lebih tinggi dalam parti tersebut. Arahan datang daripada golongan atasan dan pada masa yang sama golongan bawahan memberikan ketaatan dan bersifat submisif kepada mereka dan melaksanakan arahan yang diberikan. Oleh sebab terbentuk daripada pergelutan sosial dan kelas, maka hegemoni berupaya membentuk, mengubah malah mempengaruhi pemikiran masyarakat. Lebih signifikan lagi, hegemoni juga merupakan satu set idea golongan dominan yang berjuang bagi menjamin kepimpinan mereka yang diperoleh

daripada keizinan yang diberikan oleh golongan subordinat.

Pandangan hegemoni telah mendorong Gramsci untuk membincangkan tentang peranan negara (*state*), sekiranya badan pentadbiran atau badan eksekutif dalam struktur kepimpinan kerajaan boleh disekat oleh hegemoni kelas pemerintah itu. Oleh yang demikian, kuasa negara itu sepatutnya dihadkan. Untuk menjadikannya lebih bermakna, nilai dalam negara perlu mempunyai struktur politik yang berkesan dalam kalangan masyarakat sivil. Mengikut Gramsci (Femia 1981: 24) lagi, negara juga melambangkan kekerasan atau keganasan atau dalam satu wilayah tertentu bersama-sama dengan agen birokrasi negara seperti pasukan keselamatan, perkhidmatan awam, sistem perundangan, badan kebajikan dan institusi pendidikan. Sehubungan itu, apabila tindakan pendominasian dilakukan oleh jentera penindas pemerintah, justifikasi kepimpinan intelektual dan moral, seperti golongan yang dinyatakan sebelum ini akan diserap dan digembar-gemburkan di dalamnya sama ada melalui masyarakat sivil, institusi agama, persatuan mahupun perhimpunan tokoh pendidikan. Keadaan ini menjelaskan lagi bahawa hegemoni dapat diperoleh melalui pelbagai cara untuk menilai permasalahan dalam realiti sosial.

Dalam konteks budaya politik di Malaysia, perubahan era dan fasa yang dilalui telah meninggalkan impak yang besar terhadap struktur sosial masyarakat kini. Proses pembentukan budaya politik telah bermula sejak era Kesultanan Melayu Melaka lagi. Penulisan manuskrip *Sejarah Melayu* atau *The Malay Annals* oleh Tun Sri Lanang merupakan antara naskhah terperinci yang meriwayatkan tentang susur galur masyarakat Melayu serta budaya politik yang diamalkan ketika itu (Cheah Boon Kheng, 2009: 10). Meskipun terikat dengan tradisi serta protokol daripada pihak istana yang agak ketat, rakyat jelata kekal taat serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada golongan pemerintah. Kekuasaan yang terbentuk dalam strata feudalisme mewujudkan kepatuhan dan kesetiaan rakyat terhadap golongan pemerintah sehingga golongan minoriti elit ini dianggap memiliki daulat serta kelebihan yang luar biasa (Sharifah Maznah, 1993:73). Kepercayaan yang telah sebatu dalam emosi dan epistemologi masyarakat Melayu tradisi akhirnya memberikan pengiktirafan terhadap kedudukan dan status golongan pemerintah. Sifat akur dan submisif yang ditunjukkan memberikan gambaran betapa golongan pemerintah yang terdiri daripada sultan serta pembesar istana sangat dihormati malahan rakyat secara sukarela membenarkan setiap tindakan yang diambil oleh mereka.

Dalam fasa yang berikutnya, pendudukan kolonial telah memberikan implikasi terhadap struktur masyarakat setempat khususnya dari aspek sosial, ekonomi dan politik, malahan penguasaan kuasa asing hampir melumpuhkan sistem perwarisan beraja dalam tradisi politik Melaka. Pengaruh asing mulai berkembang dalam masyarakat tempatan apabila bentuk dan amalan budaya politik diadun

dan dikonstruksikan dengan acuan pihak kolonial. Keupayaan pihak kolonial mengadaptasi nilai budaya dan asas politik yang diamalkan pada era tersebut telah membuka ruang yang lebih luas kepada mereka untuk mempengaruhi masyarakat tempatan. Pertembungan antara dasar kolonial dengan budaya tempatan bukan sahaja mengubah amalan budaya politik tradisional malahan telah mempengaruhi perkembangan sosiopolitik Tanah Melayu (kini Malaysia) secara total serta corak kepimpinan politik pada ketika itu (Muhammad Isa, 2002:283-84). Meskipun kuasa sultan dan pembesar tempatan dikekalkan, namun mereka hanya bertindak sebagai simbol kuasa kerana kuasa yang sebenar dipegang oleh pihak kolonial.

Ternyata tindakan pihak kolonial mengadaptasi bentuk pentadbiran mengikut cita rasa tempatan memberikan kesan positif terhadap penguasaan yang dijalankan tanpa disedari oleh mana-mana pihak. Bertitik tolak daripada keadaan ini, nilai tradisi mula terhakis tetapi berupaya dikonstruksikan kepada amalan yang lebih pragmatik dan kontemporari. Meskipun tidak dipraktikkan secara tradisi, nilai sedia ada menerusi trend politik terdahulu kekal dominan apabila rakyat dilihat masih bersikap submisif dengan meletakkan kedudukan kelas elit pemerintah pada hierarki tertinggi serta perlu dipatuhi dan dihormati. Sungguhpun begitu, tahap perkembangan serta bentuk politik pada ketika ini sukar disimpulkan memandangkan respons masyarakat terhadap kelas pemerintah masih terbatas (Jamaie *et al.*, 2005:80). Namun, kesedaran mula timbul apabila hak ketuanan Melayu mula dicabar dan dengan itu bermulalah era kebangkitan nasionalisme Melayu sehingga melahirkan pelbagai parti politik yang terdiri daripada pelbagai latar etnik dan haluan.

Rentetan daripada perkembangan yang berlaku, penjajahan kolonial juga telah memberikan laluan kepada penubuhan Malayan Union, malahan turut mencorak struktur baharu dalam budaya politik masyarakat tempatan. Orientasi politik ketika ini lebih menjurus kepada peningkatan semangat kebangsaan bagi membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman kuasa asing. Keadaan ini turut dianggap sebagai kemuncak gerakan yang menyatukan semua golongan masyarakat bagi menegakkan kelangsungan mereka sebagai satu bangsa dan satu kebudayaan (Ramlah, 1998:2021). Bahkan, dari satu aspek, secara tidak langsung kaum Melayu dapat mengekalkan *status quo* politik tradisional mereka sebagai peribumi negara ini. Bermula dengan situasi ketika itu, The United Malays National Organisation (UMNO) telah ditubuhkan sehingga menjadi institusi politik yang paling berpengaruh dalam perkembangan politik Tanah Melayu. Perjuangan UMNO dilihat paling konsisten untuk menghalang kemaraan dan kekuasaan pihak kolonial. Kebangkitan dalam kepimpinan politik Melayu seterusnya berlanjutan sehingga Tanah Melayu memperoleh kemerdekaannya beberapa tahun kemudian.

Selepas melalui tempoh sukar bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu, kestabilan sosiopolitik tempatan terus terserlah menerusi akomodasi serta sikap

kompromi yang terbentuk antara pemimpin utama yang terdiri daripada pelbagai kaum sehingga membentuk Perikatan (kini Barisan Nasional atau BN). Mauzy (1983: 20-21) dalam tulisannya “Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia” mendapati bahawa permuafakatan politik antara parti komponen Perikatan atau BN berasaskan prinsip *quid pro quo*, iaitu toleransi antara masyarakat multietnik di Malaysia berhubung hak kewarganegaraan melalui pelaksanaan prinsip jus soli yang diberikan kepada kaum bukan Melayu, sementara hak keistimewaan orang Melayu dikekalkan dan diterima oleh kaum lain. Oleh itu, satu kerajaan campuran (*coalition government*) melalui gabungan beberapa parti politik yang disertai oleh etnik yang berbeza dalam sesebuah masyarakat ditubuhkan meskipun wujud kesukaran pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, asas permuafakatan antara parti politik ini terhenti seketika selepas tercetusnya insiden 13 Mei pada tahun 1969. Begitupun, dominasi UMNO menjadi lebih menonjol selepas wacana kepimpinan Perikatan diteruskan oleh Barisan Nasional dengan penyertaan lebih banyak komponen parti terutamanya yang berhaluan kiri dan tidak berasaskan perkauman, seperti Parti Progresif Rakyat atau People Progressive Party (PPP), Parti Gerakan dan banyak lagi (Mohammad Agus, 1992:34-35). Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa BN berupaya menyatukan kesemua komponen partinya yang mewakili kepentingan setiap etnik sama ada di Semenanjung Malaysia mahupun di Sabah dan Sarawak ke dalam satu gabungan politik yang mantap.

Walaupun bagaimanapun, harus diakui bahawa implikasi daripada rusuhan 13 Mei 1969 telah membawa dimensi baharu dalam sosiopolitik Malaysia apabila penguasaan UMNO yang semakin ketara sehingga diistilahkan oleh ramai sarjana sebagai hegemoni politik. Menerusi hegemoni politik yang ditonjolkan, amalan lazim yang bersifat kawal (*control*), dominan, keakuran atau sifat submisif rakyat terhadap kelas pemerintah masih wujud hingga kini tetapi dalam senario yang lebih kontemporari menerusi bentuk kepimpinan politik yang dipraktikkan. Situasi inilah yang dirumuskan oleh Syed Husin Ali (2004:12-14) sebagai neofeudal dalam artikel beliau, “Apakah itu neofeudal?” Beliau melihat kewujudan semula nilai feodal disebabkan peranan yang dimainkan oleh kelas pemerintah tidak ubah seperti sultan atau golongan raja yang berkuasa pada era kesultanan Melayu tradisional. Kelas pemerintah yang terdiri daripada minoriti elit ini bukan sahaja mendominasi politik negara, malah turut menguasai ekonomi negara, mengawal mobiliti massa, memberikan pengaruh terhadap media dan sebagainya.

Bertepatan dengan teori yang dirintis oleh Gramsci serta pandangan para sarjana berhubung amalan hegemoni, situasi ini dilihat dengan jelas dalam konteks sosiopolitik Malaysia. UMNO telah berjaya menerajui pembentukan kerajaan semenjak memenangi pilihan raya pertama pada tahun 1955. Dengan pendekatan yang pragmatik, konsep perkongsian kuasa dengan parti komponen bermula

dengan Perikatan dan kemudian BN telah membuahkan hasil yang positif. Rakyat beranggapan bahawa mereka berjaya membawa negara pada tahap pembangunan yang boleh dibanggakan dan harus disokong. Walau bagaimanapun, Sulastry & Nidzam (2008:196) menyatakan bahawa senario amalan budaya politik neofeudal Melayu dalam sistem demokrasi Malaysia yang mundur ke belakang telah menghakis demokrasi bukan sahaja melalui pilihan raya yang dijalankan tidak adil, bahkan berlaku penipuan dan pencabulan yang sangat ketara malah turut dicengkam oleh undang-undang yang nyata telah mencabuli kebebasan rakyat.

Keadaan ini amat jelas diperhatikan menerusi pelaksanaan pelbagai akta dan undang-undang yang mengawal tingkah laku dan tindakan rakyat serta menyekat peranan media sebagai badan bebas sehingga menimbulkan persepsi “takut” kepada semua lapisan masyarakat seperti *Internal Security Act* (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Polis, Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Universiti Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) dan sebagainya. Sebagai contoh, setelah Tun Dr. Mahathir (seterusnya dikenali sebagai Dr. Mahathir) menerajui kepimpinan negara, ternyata jelas hegemoni politik berlaku apabila ISA digunakan di samping sokongan media bagi melegitimasi tindakan yang diambil pada mata rakyat. Krisis kepimpinan yang berlaku sekitar 1987-1988 juga menyaksikan bagaimana hegemoni politik yang wujud mengukuhkan lagi kuasa dominasi kelas pemerintah terutamanya dalam kalangan pemimpin UMNO (Sulastry & Nidzam, 2008:170). Dr. Mahathir berjaya menguatkan cengkaman pengaruhnya ke tahap tertinggi dalam parti tersebut dengan menggunakan pelbagai cara termasuklah pengharaman dan pendaftaran semula UMNO dan sebagainya. Kaedah yang beliau tetapkan telah menjadikan Presiden UMNO menjadi sangat berpengaruh dan berkuasa dalam UMNO sehingga berjaya mengekalkan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri.

Namun begitu, konsep hegemoni sebagaimana dilihat wujud dalam senario politik Malaysia tidak lagi sesuai diaplikasikan dengan keadaan politik ketika Tun Abdullah Ahmad Badawi (seterusnya dikenali sebagai Abdullah) menerajui kepimpinan negara dan parti UMNO atau BN. Hegemoni yang selama ini dipraktikkan bagi mengekalkan kestabilan negara dan memelihara *status quo* kelas pemerintah semakin terhakis apabila masyarakat semakin terbuka menolak bentuk kepimpinan yang dianggap tidak relevan dalam wacana kepimpinan sosiopolitik tempatan. Dengan nilai demokrasi dilihat mula kembali kepada landasan sebenar, tindakan kontra hegemoni atau *counter-hegemony* diperlihatkan menerusi tindakan masyarakat yang semakin berani menyuarakan pendapat dengan lebih terbuka. Senario ini dilihat semakin berkembang apabila penggunaan ruang siber dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat daripada pelbagai latar belakang bagi menyuarakan pandangan masing-masing secara terbuka melalui blog persendirian yang dimiliki oleh mereka.

Transisi budaya politik Malaysia pernah diketengahkan oleh Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuthu (2003) dalam hasil kompilasi penulisan akademik, “New Politics in Malaysia”. Secara kritikal, penulisan ini telah membincangkan perubahan yang berlaku dalam budaya politik Malaysia semenjak dekad 1990-an lagi terutamanya setelah berakhirnya pilihan raya yang kesepuluh pada tahun 1999. Menurut hasil kajian yang dijalankan, budaya politik yang berlaku dalam era ini dilihat sebagai suatu gelombang baharu yang dikenali sebagai *developmentalisme*, iaitu satu keadaan apabila pilihan politik di Malaysia ditentukan berdasarkan pembangunan material serta sikap individualis-konsumeris (2003:261-63). Fenomena yang berlaku menjelaskan bagaimana masyarakat sivil tidak lagi mengamalkan kepatuhan melulu kepada setiap arahan ataupun kehendak pemerintahan, sebaliknya sikap patuh dan taat kepada kelas pemerintah diberikan sekiranya kehendak serta permintaan mereka turut dipenuhi. Proses “timbang balik” ini berjalan dengan lancar tanpa wujudnya sebarang unsur subversif, malahan sokongan serta kepatuhan rakyat masih memihak kepada kelas pemerintah.

Saranan kedua-dua ahli akademik ini turut dipersetujui oleh Marzuki Mohamad (2008). Dalam laman blog milik beliau, Marzuki cuba menonjolkan bagaimana gelombang politik baharu ini memperlihatkan wacana politik Malaysia tidak lagi terbatas dengan isu perkauman yang dominan, sebaliknya berlaku perubahan apabila wujud persaingan antara faktor kaum, amalan demokrasi penyertaan (*participation democracy*) serta pembangunan sosioekonomi penduduk secara keseluruhan. Menurut beliau, sejarah politik Malaysia memperlihatkan bagaimana pilihan raya yang dijalankan telah didominasi dengan wacana politik komunal “Melayu-bukan Melayu” yang sangat ketara. Hal ini dilihat berdasarkan pengaruh UMNO yang sangat dominan berbanding komponen parti yang mewakili kaum yang berlainan. Sungguhpun asas akomodasi dan kompromi menjadi pegangan gabungan parti ini, kewujudan satu pihak (parti politik) yang dominan tidak dapat dinafikan, bahkan begitu menonjol antara parti komponen yang lain.

Selain itu, menerusi amalan kontra hegemoni ini juga telah mendorong kepada kemunculan penentangan dalam budaya politik Melayu secara lebih terbuka. Penyelidikan etnografi yang dijalankan oleh James C. Scott (1985) di daerah Sedaka, Kedah telah membuktikan bahawa wujudnya protes dalam budaya politik Melayu. Mengikut Scott (1985: xix), protes dapat didefinisikan sebagai bantahan yang dinyatakan oleh seseorang sama ada secara langsung atau tidak kepada pihak yang memiliki kuasa. Protes merupakan tindakan tidak puas hati yang berorientasikan keadaan atau suasana politik tempatan oleh golongan yang tertekan terhadap mereka yang berkuasa serta mengawal sistem politik sesebuah masyarakat. Scott mendapati bahawa protes yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu disebabkan oleh konflik ideologi yang berkait rapat dengan ciri feodalisme yang wujud dalam budaya

politik Melayu. Dengan cengkaman hegemoni kelas pemerintah, protes dalam kalangan masyarakat sivil bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk berlaku.

Namun, harus diakui bahawa hegemoni turut menyumbang ke arah perkembangan politik yang lebih idealistik dan positif apabila pelaksanaannya dapat membentuk sebuah struktur masyarakat yang lebih kompetitif, maju dan stabil. Meskipun begitu, tidak dinafikan juga bahawa hegemoni juga membatasi hak, kebebasan, keadilan dan keharmonian individu dalam sesebuah masyarakat sebagai refleksi terhadap pemeliharaan *status quo* kelas pemerintah. Orang ramai memberikan sokongan dan legitimasi kepada pemerintah tanpa menyedari bahawa mereka sedang dikuasai khususnya dari sudut pemikiran dan nilai budaya masyarakat.

Dengan mengambil kira perubahan yang berlaku dalam landskap politik Malaysia setelah pelaksanaan transisi kepemimpinan daripada Dr. Mahathir kepada Abdullah khususnya pascapilihan raya umum 2008 telah memperlihatkan dengan jelas gelombang baharu yang mula mewarnai bentuk dan amalan politik mutakhir. Praktis demokrasi menjadi lebih terbuka apabila kebangkitan golongan muda semakin ketara dengan orientasi politik lebih memihak kepada wacana perjuangan pihak pembangkang. Demokrasi yang selama ini terbatas dengan kedominanan kelas pemerintah semakin luntur, malah ciri politik baharu mula bertapak sebagai satu praktis lazim masyarakat sivil. Dapat dirumuskan bahawa dalam pentadbiran Abdullah kecenderungan masyarakat yang mula berubah kepada fenomena baharu ini telah menjadikannya sebagai satu platform kontra-hegemoni yang lebih bebas dan terbuka tanpa sebarang sekatan yang menindas, mencengkam ataupun terkawal sebagaimana berlaku dalam kepemimpinan terdahulu.

KONTRA HEGEMONI DAN PRAKTIS KETERBUKAAN: SATU ANJAKAN BARU DALAM AMALAN BUDAYA POLITIK MELAYU

Anjakan yang berlaku dalam konteks sosiopolitik Malaysia ternyata mewujudkan perspektif baharu terhadap praktis budaya politik di negara ini. Ciri dominan dan kawal yang selama ini tersulam rapi dalam bentuk dan amalan budaya politik masyarakat tempatan mula terhakis meskipun tidak secara total. Ternyata, pilihan raya umum yang dijalankan pada tahun 2008 telah memberikan implikasi yang sangat besar terhadap pembentukan budaya politik baharu di Malaysia. Hegemoni yang selama ini dipraktikkan bagi mengekalkan kestabilan negara dan memelihara *status quo* kelas pemerintah semakin terhakis apabila masyarakat semakin terbuka menolak bentuk kepemimpinan yang dianggap tidak relevan dalam wacana kepemimpinan sosiopolitik tempatan.

Transisi kepemimpinan yang diserahkan kepada Abdullah daripada mantan Perdana Menteri sebelumnya merupakan titik permulaan kepada perubahan yang

berlaku. Dasar keterbukaan sebagaimana yang dipraktikkan dalam kepemimpinan Abdullah bukanlah suatu dasar yang kukuh atau termaktub dalam mana-mana polisi kerajaan mahupun peruntukan undang-undang. Namun, amalannya begitu jelas diperhatikan menerusi pendekatan yang diserap dalam kepemimpinan beliau sepanjang tempoh menerajui Malaysia. Keterbukaan melalui rundingan menjadi paksi kepada kepemimpinan Abdullah apabila beliau menuntut setiap individu bekerja bersama-samanya dan bukan bekerja untuknya. Dari satu sudut, penyertaan dikatakan wujud apabila melibatkan rakyat dalam proses kepimpinannya dengan cuba meraih sokongan orang ramai melalui pendekatan “bekerja bersama-sama” atau “rakyat dahulu, saya kemudian” (Sivamurugan *et al.*, 2007:35). Keadaan ini sekali gus menzahirkan prinsip kepemimpinan Abdullah yang meletakkan kepentingan rakyat mengatasi kepentingan peribadi. Kata kunci yang mencorakkan tatakerjanya jelas menunjukkan betapa beliau komited untuk berkhidmat kepada masyarakat sejajar dengan agenda pembangunan negara walaupun kemampuannya dipersoal oleh pelbagai pihak.

Dalam menilai keupayaannya memimpin negara, tidak dinafikan bahawa nilai demokrasi yang menjadi praktis dalam sistem politik Malaysia mula menampakkan keberkesanannya. Jika sebelum ini aktiviti institusi masyarakat sivil, parti politik dan pengamalan media agak terbatas dan tidak bebas, tetapi menerusi kerajaan pimpinan Abdullah yang lebih terbuka, proses penyemaian nilai politik demokrasi dan rentas kaum semakin terserlah dan berjalan dengan lancar. Mengikut Marzuki & Ibrahim (2008:2), pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 2004 umpamanya menyaksikan bagaimana nilai politik demokrasi dan rentas kaum mula mempengaruhi wacana politik Malaysia secara lebih signifikan. Abdullah sangat menekankan elemen kepelbagaian kaum dan demokrasi dengan menonjolkan dirinya sebagai pemimpin bagi seluruh masyarakat multietnik di Malaysia. Perkara ini ditekankan sebagai teras perjuangan BN bagi mewujudkan kerajaan demokratik, telus, amanah, tidak korup dan komited sebagai usaha bagi melaksanakan penambahbaikan dalam perkhidmatan awam, penghapusan gejala rasuah serta memperbaiki hubungan antara kaum kepada keadaan yang lebih baik. Hasilnya, BN memperoleh mandat besar dalam siri pilihan raya edisi kesebelas dengan penguasaan hampir 90 peratus kerusi Parlimen mengatasi pilihan raya yang dijalankan dalam edisi sebelumnya.

Selanjutnya, semasa kepemimpinan Abdullah pengamalan media menjadi lebih terbuka dan tidak terikat sepenuhnya sebagai agen hegemoni kelas pemerintah. Kepimpinan era Mahathir memperlihatkan peranan media lebih terarah sebagai wadah komunikasi pihak kerajaan yang bersifat sehalu dengan pemilikan media dikawal sepenuhnya oleh parti politik aliran kerajaan seperti UMNO dan MCA (Hilley, 2001:139). Namun, keadaan sebaliknya berlaku dalam era

Abdullah menerajui negara apabila pengamalannya dilihat lebih liberal. Antara kebebasan media paling jelas ditonjolkan oleh kerajaan ialah penganjuran debat terbuka antara wakil kerajaan dengan pihak pembangkang yang disiarkan secara langsung melalui televisyen seperti Datuk Ahmad Shabery Cheek lwn Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon lwn YB Lim Guan Eng. Melalui penganjuran debat ini, masyarakat diberikan ruang untuk menilai konteks persoalan yang didebatkan oleh kedua-dua wakil daripada pihak kerajaan dan pembangkang serta bebas menyuarakan pendapat masing-masing mengikut luns yang ditetapkan. Ruang demokrasi menjadi lebih terbuka dengan nilai pengamalannya semakin diperluas dan dipraktikkan dengan telus.

Walau bagaimanapun, kebebasan media bukan sahaja dilihat dalam saluran media cetak atau elektronik, tetapi telah berkembang kepada kemunculan fenomena baharu, iaitu media maya. Puluhan malahan ratusan blog peribadi muncul yang membincangkan pelbagai topik meliputi perkembangan ekonomi, isu semasa sehingga perkara yang dianggap peribadi. Namun begitu, konteks sosiopolitik negara menjadi topik perbincangan yang paling dominan. Nur Azween & Nidzam (2008: 253) mendapati bahawa pengawalan total terhadap media dalam era kepimpinan Dr. Mahathir sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan menguasai arah aliran pengeluaran berita telah mendorong pembangunan blog dan laman sesawang sebagai media baharu di Malaysia. Perkembangan ini memberikan peluang bagi setiap individu untuk mengakses pelbagai maklumat yang barangkali tidak dimuatkan dalam akhbar lantas memberikan dimensi baharu kepada mereka bagi menilai konteks sosiopolitik tempatan melalui sumber alternatif ini.

Sungguhpun begitu, keterbukaan media yang merangkumi akhbar harian, televisyen, radio ataupun saluran internet merupakan antara faktor penyumbang yang memberikan implikasi besar dalam pilihan raya umum kedua belas pada tahun 2008 apabila BN gagal mempertahankan majoriti dua pertiga kerusi di Dewan Rakyat (Nor Azila & Sulastry, 2009:22-23). Walaupun pengamalan media dilihat agak terbuka di bawah kepimpinan Abdullah, tetapi masih wujud jurang pemisah yang menjarakkan peluang pihak pembangkang untuk sama-sama menggunakannya sebagai medium perantaraan mereka dengan rakyat. Disebabkan wujudnya keterbatasan tersebut, mereka menggunakan saluran media maya yang lebih radikal dan mudah diakses oleh sesiapa sahaja tanpa sekatan bagi menyampaikan wasilah perjuangan barisan pembangkang. Natijahnya, golongan pembangkang hampir melumpuhkan kuasa dominasi BN yang selama ini begitu dominan menguasai pentadbiran negara.

Kebebasan bersuara masyarakat menerusi platform media maya ini bagaimanapun telah mengundang kekeliruan terutamanya dari aspek sosiopolitik semasa. Ironinya, persoalan dan perdebatan isu politik bukan hanya ditangani oleh ahli politik kerajaan, parti pembangkang atau kalangan profesional semata-mata, tetapi turut diulas oleh

golongan amatur yang lebih terikat dengan isu yang sensitif serta tidak ada titik utama perbincangan yang lebih jelas dan kukuh (Utusan Malaysia 18 Mac 2009). Walau bagaimanapun, sungguhpun demokrasi maya ini telah mendorong masyarakat untuk terlibat dalam kebebasan bersuara yang lebih terbuka, namun ruang ini turut memiliki kelemahan apabila penyertaan mereka turut menjurus kepada persengketaan kerana tiada penyelesaian mutlak terhadap sebarang isu yang dibangkitkan. Realitinya, setiap individu memiliki pandangan dan pemahaman yang berbeza-beza berhubung dengan sesuatu isu. Oleh itu, mereka cenderung menilai berpandukan emosi dengan persoalan yang lebih rasional seakan-akan tidak diberikan penekanan.

Dalam perspektif yang lain pula, fokus Abdullah yang mahukan masyarakat multietnik di Malaysia kekal bersatu masih lagi diragui oleh kaum bukan Melayu khususnya apabila pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan sebagai salah satu dasar yang bermatlamat untuk menempatkan rakyat negara ini serta kedudukan Islam pada tahap yang lebih disegani pada peringkat global (Sivamurugan, 2004: 63-63). Meskipun Islam Hadhari dilaksanakan, namun Abdullah menegaskan bahawa tidak akan ada mana-mana kaum yang akan terpinggir, bahkan kerajaan akan meneruskan sistem pentadbiran sedia ada tanpa memisahkannya meskipun terdapat fahaman agama yang berbeza. Pandangan skeptikal yang dilemparkan kemudiannya luntur apabila ramai pihak mula memahami bahawa konteks pengisian Islam Hadhari tidak tersasar daripada landasannya untuk memacu bangsa menuju kecemerlangan yang seimbang serta memartabatkan kedudukan Malaysia ke arah kesejahteraan bangsa dan negara.

Menerusi dasar keterbukaan Abdullah yang dipraktikkan dan pendekatan kepimpinan yang diisi dengan nilai integriti yang unggul, pelbagai transformasi berlaku dalam negara merangkumi keterbukaan dalam praktis media, badan kehakiman, proses pilihan raya, pasukan keselamatan (polis, tentera dan kastam), penambahbaikan perkhidmatan awam dan sebagainya. Dasar keterbukaan ini telah memberikan banyak kelebihan kepada Abdullah untuk membentuk kepimpinan yang mantap dan berwibawa sehingga nilai demokrasi yang dikatakan semakin luntur dalam sistem sosiopolitik Malaysia kembali dipraktikkan. Abdullah berhasil melakukan anjakan paradigma dalam penyemaian nilai demokrasi di Malaysia dengan lebih telus dan terbuka sekali gus menafikan pandangan skeptikal sebelum ini yang melabelkan demokrasi Malaysia sebagai bersifat artifisial, tidak demokratik dan separa matang. Tidak dinafikan lagi bahawa keterbukaan Abdullah telah mendorong terbentuknya amalan demokrasi yang lebih demokratik dan terbuka.

Sungguhpun begitu, dasar keterbukaan Abdullah juga telah menjadi penanda aras kepada kepimpinannya yang dilihat semakin lemah dan tidak relevan dalam pentadbiran jentera kerajaan persekutuan mahupun parti UMNO dan BN yang diterajunya. Ramai pihak mula mempertikaikan kewibawaan beliau sebagai pemimpin yang lemah apabila terlalu “terbuka” dan begitu bergantung pada keputusan

kolektif jemaah menteri bagi menyelesaikan sesuatu isu yang berbangkit. Dalam era kepimpinannya juga, agak sukar untuk menyatakan apakah perubahan drastik yang dilakukan terhadap dasar sebelum ini walaupun pendekatan kepimpinannya ternyata berbeza dengan pemimpin terdahulu. Beberapa dasar yang tersedia kukuh dan mantap tanpa diadakan sebarang penambahbaikan menyebabkan ramai pihak mula melihat beliau sebagai tidak berupaya untuk meneruskan kesinambungan legasi kepimpinan yang mapan dan luwes.

KESIMPULAN

Perubahan yang berlaku dalam struktur sosiopolitik sesebuah masyarakat merupakan suatu keadaan yang lazim berlaku. Apa yang berbeza ialah bagaimana perubahan tersebut berlaku dan faktor yang menyumbang kepada proses anjakan tersebut. Lazimnya, perubahan yang berlaku dalam amalan budaya politik masyarakat di sesebuah negara dilihat berdasarkan elemen fizikal melibatkan kehendak masyarakat itu sendiri yang berkehendakkan pembaharuan terhadap bentuk kepimpinan mahupun pembangunan serta infrastruktur yang lebih baik. Kesemua elemen tersebut turut memberikan impak langsung terhadap komposisi ekonomi, struktur sosial penduduk, epistemologi massa dan sebagainya.

Dalam konteks Malaysia, budaya politik yang diamalkan dalam masyarakat Melayu khususnya dan praktis secara umumnya bersifat dominan menerusi hegemoni yang ditonjolkan. Pada kebiasaannya, unsur hegemoni yang terdiri daripada kekerasan dan paksaan melalui agen negara seperti polis, tentera dan sebagainya serta penguatkuasaan undang-undang yang pelbagai telah lama sebatu dalam budaya politik yang dipraktikkan. Konsep hegemoni juga menjadi lebih ideal apabila mereka memberikan taat setia dan sokongan kepada pemerintah menerusi keizinan yang terbentuk secara semula jadi dalam diri setiap anggota masyarakat. Senario ini seakan-akan mundur ke era masyarakat Melayu tradisional apabila elemen neofeudalisme dilihat lebih menonjol dalam masyarakat kini, tetapi melalui proses konstruksi budaya dari semasa ke semasa.

Meskipun begitu, praktis lazim hegemoni turut menyumbang ke arah perkembangan politik yang lebih idealistik dan positif apabila pelaksanaannya dapat membentuk sebuah struktur masyarakat yang lebih kompetitif, maju dan stabil. Hal ini kerana, hubungan yang terbentuk antara rakyat dengan kelas pemerintah masih lagi wujud walaupun tidak bebas sepenuhnya. Tidak dapat dinafikan bahawa hegemoni juga membatasi hak, kebebasan, keadilan dan keharmonian individu dalam sesebuah masyarakat sebagai refleksi terhadap pemeliharaan *status quo* kelas pemerintah. Orang ramai memberikan sokongan dan legitimasi kepada pemerintah tanpa menyedari bahawa mereka sedang dikuasai khususnya dari sudut pemikiran dan nilai budaya

masyarakat. Melalui hegemoni ini, pemerintahan sesebuah kerajaan dapat bertahan untuk satu tempoh yang lebih lama meskipun melalui pelbagai cabaran khususnya konsensus antara parti yang berlainan ideologi yang dianggotai oleh pelbagai kaum.

Dengan anjakan yang berlaku sekali lagi mengubah senario politik tempatan apabila hegemoni yang selama ini tersulam rapi dalam budaya politik Melayu mengalami proses konstruksi yang sangat ketara. Kedudukan kelas pemerintah yang selama ini terpasak dalam zon selesa tidak lagi terjamin memandangkan anjakan yang berlaku hampir menafikan pengukuhan total hegemoni dalam pemerintahan negara. Proses transisi kepemimpinan daripada Dr. Mahathir kepada Abdullah yang pada asalnya telah melonjakkan kedudukan parti pemerintah ke tahap tertinggi dalam dominasi sosiopolitik Malaysia ternyata berubah sama sekali selepas pilihan raya umum kedua belas dijalankan pada 2008. Bertitik tolak daripada situasi ini, maka sifat dominan hegemoni yang dibuktikan menerusi sifat submisif serta kepatuhan semula jadi masyarakat mulai luntur dan hampir dinafikan kerelevannya.

Dasar keterbukaan Abdullah berhasil merintis laluan kepada pengamalan etika, nilai dan budaya yang lebih telus, demokratik dan berintegriti. Hal ini dilihat pada cabaran sebenar yang dihadapi oleh parti atau golongan pemimpin negara terutamanya parti yang memegang kuasa bagi memantapkan integriti serta menangani jangkitan rakyat yang kian meningkat. Setiap pemimpin dituntut untuk memberikan sepenuh komitmen dengan penuh ketelusan dan rasa tanggungjawab untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan terhadap mereka. Kepimpinan yang baik dan berkesan akan meningkatkan lagi kemajuan dan daya pengeluaran kerana berupaya mewujudkan suasana dan semangat kerja yang tinggi. Semakin baik sifat kepemimpinan, semakin banyak yang dapat disumbangkan kepada organisasi, masyarakat mahupun negara. Dapatlah dikatakan bahawa bagaimana rentak pemimpin maka begitulah rentak orang di bawah pimpinannya. Ternyata keterbukaan yang ditonjolkan telah memberikan ruang kepada semua pihak untuk mempamerkan potensi masing-masing bagi diketengahkan pada landasan yang betul.

Walau bagaimanapun, keputusan yang diperoleh setelah berakhirnya pilihan raya edisi 2008 membuktikan bahawa terdapat gelombang baharu dalam praktis budaya politik di Malaysia apabila masyarakat sivil lebih terbuka menyatakan pendirian politik masing-masing dengan memilih wacana kepemimpinan pembangkang, iaitu satu situasi yang jarang berlaku dalam setiap pilihan raya umum yang dijalankan. Keterbukaan dalam pemerintahan mutakhir bukan sahaja memberikan dimensi baharu terhadap perkembangan sosiopolitik tempatan malahan kuasa dominasi pihak kerajaan hampir dinafikan dan melunturkan kehegemonian yang sekian lama tersulam rapi dalam amalan budaya politik yang dipraktikkan. Fenomena ini dapat dirumuskan sebagai gelombang baharu dalam praktis dan bentuk budaya politik yang tidak lagi terbatas dengan kerelaan semula jadi, kepatuhan serta taat setia masyarakat terhadap kelas

pemerintah, dengan tindakan kontra hegemoni mula mewarnai wacana sosiopolitik Malaysia.

RUJUKAN

- Almond, G.A. & Powell, G.B., 1966. *Comparative Politic: A Developmental Approach*. Boston: Little, Brown & Company.
- Almond, G.A. & Verba, S., 1965. *The Civic Culture*. Boston: Little, Brown & Company.
- Anis Yusal Yusoff, 2007. "Agenda Membudayakan Integriti Politik: Isu dan Cabaran" dlm. Anis Yusal Yusoff *et al.* (ed.). *Integriti politik di Malaysia: Ke arah Kefahaman yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia. Hlm. 3-17.
- Balkis Abdul Ghani, 2007. "Dasar Kepimpinan melalui Teladan" dlm. Yusof Ismail (ed.). *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: A. S. Nordeen.
- Cheah Boon Kheng (peny.), 2009. *The Malay Annals*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Fatimah Mohd. Arshad. Lonjakan untuk Pertanian. <http://www.utusan.com.my/utusan> (Capaian 5 Sept 2006).
- Femia, J., 1981. *Gramsci's Political Thought: Hegemony, Consciousness and the Revolutionary Process*. London: Oxford University of Press.
- Francis Loh Kok Wah & Johan Savaranamuthu (pnyt.), 2003. *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Gramsci, A., 1971. *Selections from the Prison Notebooks of Antonio Gramsci*. Diterjemah oleh Quintin Hoare & Geoffrey Nowell Smith. London: Unwin Brothers Ltd.
- Hilley, J., 2001. *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and the New Oppositions*. London: Zed Books Ltd.
- Ismail Noor, 2003. *Pak Lah a Sense of Accountability: An Insight into Efective Stewardship*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd. Hlm. 58-61.
- Jamaie *et al.* 2005. "Budaya Politik Melayu: Kesenambungan dan Perubahan" dlm. Sity Daud & Zarina Othman (pnyt.). *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kavanagh, D., 1987. *Budaya politik*. Diterjemah oleh Samaruddin Md. Rejab. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Loganathan Veerasamy. 2008. "Integriti Pemimpin Politik Jadi Perhatian" dlm. Anis Yusal Yusoff. (pnyt.). *Politik: Isu-isu Integriti 2000-2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd. Hlm. 58-61.
- Marzuki Mohamad & Ibrahim Suffian, 2008. "Nilai dan Kepimpinan Politik Melayu". Kertas Kerja Seminar Kepimpinan Melayu anjuran Universiti Teknologi MARA. Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur. 19 November.
- Marzuki Mohamad, 2008. Menyelami Makna Politik Baru. <http://www.marzukimohamad.blogspot.com> (Capaian 18 Mac 2009).
- Mauzy, D.K., 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd.

- Mohammad Agus Yusoff, 1992. *Consociational Politics: The Malaysian Experience*. Kuala Lumpur: Perikatan Pemuda Enterprise.
- Mohd Hilmi Ramli, 2008. Mengembalikan Perpaduan melalui Kekuatan Budaya. <http://www.utusan.com.my/utusan> (Capaian 18 Mac 2009).
- Muhammad Isa Othman, 2002. *Sejarah Malaysia 1800–1963*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions.
- Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Suhaimie Saahar @ Saabar, 2008. “Blogosphere: Ruang Kontra Hegemoni? Analisis terhadap Blog Politik Malaysia Terpilih dalam PRU 2008”. Kertas kerja seminar politik Malaysia. Universiti Teknologi MARA, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). 28-30 Oktober 2008.
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman, 2008. “Media Alternatif sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12”. Kertas kerja seminar politik Malaysia. Universiti Teknologi MARA, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). 28-30 Oktober 2008.
- Perdana Menteri kelima 2003-2009 (edisi khas peralihan kuasa) *Utusan Malaysia*, 3 April 2009.
- Pye, L.C. & Verba, S., 1965. *Political Culture and Political Development*. New Jersey: Princeton University Press.
- Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- S. Hashim, 2005. *Abdullah Badawi: Menuju Kecemerlangan Hakiki*. Ampang: Juz’ Art.
- Saifuddin Abdullah, 2007. “Pemuda sebagai Pemangkin Integriti Politik Negara” dlm. Anis Yusaf Yusoff *et al.* (pnyt.). *Integriti politik di Malaysia: Ke Arah Kefahaman yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia. Hlm. 189-209.
- Scott, J.C., 1985. *Weapons of The Weak: Everyday Forms of Peasant Resistance*. New Haven: Yale University Press.
- Sharifah Maznah Syed Omar, 1993. *Myths and the Malay Ruling Class*. Singapore: Times Academic Press.
- Sivamurugan Pandian, “Tun Dr. Mahathir Mohamad: Pemikir Budaya Melayu Baru Malaysia” dlm. *Pemikir* April-Jun, 2004.
- Sulastry Yurni Ahmad & Nidzam Sulaiman. 2008. “Kedudukan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Malaysia: Berakhirnya Era hegemoni”. Kertas kerja Seminar Politik Malaysia. Universiti Teknologi MARA, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). 28-30 Oktober 2008.
- Thock Ker Pong, “Kegawatan yang Mengancam Survival: UMNO dalam Dilemma” dlm. *Pemikir* Julai-September 2008.